

21 MAY 1997

Mahathir-Pendidikan

TIADA LAGI "PENDIDIKAN TERKAWAL" DI MALAYSIA, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 21 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak lagi mengamalkan dasar mengawal pendidikan sebaliknya membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk menimba pengetahuan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Selasa.

" Pada masa lepas, saya mengakui yang kita ada mengawal pendidikan. Tetapi dalam Zaman Maklumat sekarang, adalah hampir sukar untuk mengawal pendidikan. Jadi kami membuka seluas mungkin dengan membenarkan universiti baru dibuka oleh sektor swasta," katanya pada sesi soal jawab dengan kira-kira 1,000 pemimpin eksekutif syarikat-syarikat teknologi maklumat dari Eropah di Kolej Imperial di sini.

Dr Mahathir, yang sebelum itu berucap kepada eksekutif untuk menggalakkan Koridor raya Multimedia (MSC), berkata berikutan dasar baru ini, semakin ramai rakyat Malaysia mencari ilmu di seberang laut.

"Pada satu-satu masa, terdapat sekurang-kurangnya 50,000 pelajar Malaysia di luar negeri. Mereka berada di mana-mana sahaja untuk mencari ilmu, termasuk di Kolej Imperial yang berprestij ini, dan mereka adalah kumpulan terbesar pelajar asing di kolej ini," katanya.

Katanya dengan bantuan sektor swasta dalam membuka lebih banyak universiti di samping universiti sedia ada mengadakan hubungan dua hala dengan institusi-institusi pengajian tinggi luar, bilangan pelajar Malaysia mengikuti pengajian tinggi dijangka meningkat dengan pesat pada masa hadapan.

Memandangkan pengajian tinggi tidak lagi perlu diajar dalam kampus-kampus, Malaysia menjangkakan pendekatan terbaru ini akan berkembang pesat dengan kemunculan bahan pengajaran dan teknologi baru selari dengan kepesatan kemajuan dalam multimedia.

Dr Mahathir berkata pengajian tinggi tidak hanya terhad kepada pelajar yang memiliki Gred A, malahan dengan corak latihan yang betul, golongan pelajar yang dahulunya dianggap tidak sesuai oleh sistem pendidikan kini mampu mendapatkan ilmu pengetahuan secukupnya.

"Terdapat skop untuk membolehkan lebih banyak orang mendapatkan ilmu asalkan bahan pengajaran yang sesuai boleh diperolehi dengan mudah," katanya.

Perdana Menteri turut bercakap mengenai zaman universitinya dengan proses pembelajaran lebih tegar.

Katanya: "Separuh daripada masa pembelajaran, saya tidak dapat memahami perkara yang disampaikan pensyarah dan saya sendiri tidak memahami apa yang saya catat."

"Saya berharap lebih banyak bahan pengajaran boleh didapati dalam pasaran dengan mudah bukan sahaja kepada pelajar yang pintar tetapi juga kepada pelajar yang kurang cerdas," katanya.

Semasa sesi dialog itu, salah seorang eksekutif memberitahu Perdana Menteri bahawa ketika Dr Mahathir mempunyai rancangan bercita-cita tinggi untuk menjadikan MSC sebagai pusat untuk perbadanan antarabangsa menempatkan pusat penyelidikan dan pembangunan, selain aktiviti pembikinan dan perdagangan menggunakan multimedia, Dr Mahathir seharusnya juga memberi perhatian mengenai alam sekitar di Malaysia.

Kepada pandangan ini, Dr Mahathir memberitahu para pemimpin industri IT yang hadir bahawa Malaysia sememangnya berusaha sedaya upaya untuk melindungi alam sekitarnya.

Tetapi, katanya berikutan peningkatan penduduk Malaysia daripada lima

juta semasa mencapai kemerdekaan pada 1957 kepada 20 juta sekarang, pembukaan lebih banyak tanah tidak dapat dielakkan bukan sahaja untuk perumahan tetapi juga bagi kemudahan asas dan pembangunan infrastruktur.

"Jadi kami perlu lebih pragmatik berhubung perkara berkaitan pengendalian alam sekitar," katanya.

Perdana Menteri, yang berada di sini dengan misi penggalakan MSC selama lima hari, menimbulkan gelak ketawa daripada hadirin apabila beliau berkata: " Saya sememangnya tidak bersetuju tinggal di atas pokok. Ia mungkin sesuatu yang romantik untuk tinggal di atas pokok, tetapi satu hari kita perlu turun juga.

"Jika kita terus tinggi di atas pokok, mungkin satu hari kita mungkin tidak mempunyai pokok secukupnya. Jadi kita perlu memberi jalan kepada kemajuan," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia berhak untuk menikmati cara hidup yang dinikmati sekarang hasil kemajuan dan kemakmuran negara tetapi pada masa yang sama kerajaan akan memastikan mereka juga turut menjaga alam sekitar.

"Kami menjaga alam sekitar kami dan itu satu faktor mengapa hayat hidup rakyat Malaysia lebih panjang sekarang. Malaysia sebuah negara muda tetapi rakyatnya sudahpun lebih dewasa," katanya.

Sesi soal jawab itu turut dipancarkan secara langsung menerusi persidangan video kepada sekumpulan lagi eksekutif syarikat di Cardiff, ibu negeri Wales.

Beberapa eksekutif Wales turut mengemukakan beberapa soalan kepada Dr Mahathir mengenai MSC.

Sepanjang hari, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan secara peribadi dengan ketua pegawai eksekutif beberapa buah perbadanan yang meminta untuk menemuinya bagi mengemukakan cadangan berhubung penempatan semula operasi mereka dalam MSC, koridor seluas 15km x 50km yang menempatkan bandar dan sistem terkini.

Koridor raya itu meliputi kawasan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian 12 memorandum persefahaman dan perjanjian mewujudkan usahasama dalam pelbagai projek berkaitan multimedia antara syarikat Malaysia dan Eropah.

Dr Mahathir juga ke 10 Downing Street untuk berbincang dengan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, menjadikannya ketua kerajaan dari Asia yang pertama mengunjungi Blair sejak memenangi pilihan raya umum pada 1 Mei.

-- BERNAMA

AU AHH